

06 MAY 2001

Fong-MTUC

FONG MINTA MTUC FIKIRKAN MARUAH NEGARA

MELAKA, 6 Mei (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn hari ini meminta Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) agar memikirkkan maruah negara daripada terus membuat keputusan mengadakan piket pada 12 Mei ini.

"Fikirlah maruah negara dan kebajikan pekerja telebih dahulu kerana pada minggu depan, kita menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Menteri-menteri Buruh Asia yang turut dihadiri Menteri Buruh dari Jepun, Korea dan China," katanya.

Malahan pada 12 Mei juga, kementerian akan mengadakan perhimpunan pekerja, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan ulangtahun ke-50 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Siang Lin di Durian Daun, di sini, hari ini.

"Perhimpunan itu akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malah MTUC sendiri telah diberitahu awal mengenai perhimpunan itu... kita harap MTUC mengambil kira semua ini (sebelum meneruskan piket), ambil kira kebajikan pekerja dan juga maruah negara," katanya.

"Mungkin MTUC dan KWSP ada perbezaan pendapat tapi tak payahlah sampai kita nak piket...beri pengurusan KWSP yang baru untuk membetulkan keadaannya, beri mereka masa," katanya.

Dr Fong berkata KWSP telah menunjukkan sikap terbuka dengan memberi kerjasama kepada MTUC untuk mengadakan perbincangan dan mencari penyelesaian mengenai isu yang dibangkitkan.

Mengenai saranan Dr Mahathir supaya golongan bukan bumiputera menyertai pasukan keselamatan seperti polis dan tentera, beliau yang juga Naib Presiden MCA berkata parti itu sering mengadakan ceramah kepada masyarakat Cina untuk menyertai pasukan keselamatan di negara ini.

"Ia bukan sahaja untuk pasukan keselamatan, kita juga mengharapkan agar lebih ramai lagi masyarakat Cina menyertai perkhidmatan awam seperti guru dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata adalah penting untuk semua kaum di negara ini menganggotai pasukan pertahanan negara sebagai satu semangat kebangsaan dalam mempertahankan tanah air secara bersama.

Mengenai masalah kira-kira 500 pelajar Cina yang gagal memasuki universiti tempatan walaupun mempunyai keputusan peperiksaan cemerlang, beliau berkata MCA akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan perkara itu.

-- BERNAMA

SBS MOZ